

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dato' Noraini binti Ahmad [Parit
Sulong]

TARIKH : 23 November 2015

SOALAN : Dato' Noraini binti Ahmad minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan apakah faktor
utama yang menyebabkan pasar-pasar
raya tidak mematuhi peraturan Gred,
Pembungkusan dan Label (GPL)
sehingga FAMA mengeluarkan
sebanyak 340 surat amaran kepada
pengeksporth, pengimport, pemborong
dan peruncit sayur-sayuran serta buah-
buahan yang gagal mematuhi GPL sejak
ianya dikuatkuasakan pada Julai 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Peraturan-Peraturan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian) yang dikenali sebagai Peraturan 3P telahpun diwartakan pada 18hb Ogos 2008.

Peraturan ini telah digubal berdasarkan Seksyen 3(2) (c) Akta 141 yang menjelaskan kuasa FAMA untuk menguatkuasakan aktiviti penggredan, pembungkusan dan pelabelan keluaran pertanian. Peraturan ini dilaksanakan bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pemasaran keluaran pertanian supaya terus berdaya saing serta berupaya mengekalkan pasaran sedia ada atau meluaskan akses pasaran di dalam dan luar negara sejajar dengan perubahan perdagangan dunia.

Sehingga kini, sebanyak 340 surat amaran telah dikeluarkan terhadap kes-kes pelanggaran Peraturan yang mana sebanyak 122 kepada pasaraya dan 218 kepada pemilik gudang, peniaga-peniaga di pasar borong, pasar awam, pasar tani, pengimport dan pengusaha lori (sekatan jalan raya).

Antara faktor utama yang menyebabkan pasar-pasar raya tidak mematuhi Peraturan 3P adalah kerana sikap pengurusan pasar raya yang tidak memberi perhatian terhadap kepentingan Peraturan GPL. Kesalahan yang sering dibuat adalah tidak mempunyai label, saiz, negara asal dan "*wrong declaration*" terhadap nama komoditi keluaran hasil pertanian yang dijual.

Rentetan daripada surat amaran yang telah dikeluarkan, pihak FAMA telah mengadakan mesyuarat dan perbincangan dua hala dengan semua pasaraya pada 20 September 2013, 21 November 2013 dan 1 Julai 2014 bagi menerangkan jenis kesalahan yang telah dilakukan di bawah Peraturan GPL dan mendapatkan kesefahaman serta memberi kesedaran kepada pihak pasar raya.

Antara maklumbalas yang diterima setelah sesi *engagement* ini diadakan adalah pihak pasar raya telah meminta untuk mengadakan dialog dan sesi taklimat khusus kepada pasar raya tentang pemakaian Peraturan GPL serta latihan kepada kakitangan bahagian segar pasar raya berkenaan. Di samping itu pihak FAMA juga membekalkan pihak pasar raya dengan *pamphlet* dan risalah yang menerangkan gred, pembungkusan dan pelabelan.

Hasil daripada pemantauan yang berterusan dari semasa ke semasa, kebanyakan pasar raya telah mengambil inisiatif ke arah pematuhan Peraturan GPL. Sekiranya masih berlaku ketidakpatuhan kepada Peraturan GPL, tindakan perundangan yang lebih tegas akan diambil ke atas pasar raya dan pihak yang berkenaan. Denda sehingga RM25 ribu boleh dikenakan ke atas syarikat yang melakukan kesalahan di bawah peraturan tersebut. Di samping itu pengarah, pegawai syarikat atau individu yang terlibat juga boleh didenda sehingga RM15 ribu atau penjara sehingga 2 tahun atau kedua-duanya.